


# **PARLIMEN MALAYSIA**



**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERTAMA  
PARLIMEN KEDUABELAS  
2008**

**JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB  
LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB  
DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA  
KEMENTERIAN**

**HARI RABU: 27 OGOS 2008**

**CAWANGAN PERUNDANGAN  
PARLIMEN MALAYSIA.**

Sidek/jwp.08

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB**

**LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN**

**(SOALAN NO. 2, 13 HINGGA 34 )**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO.1, 3 HINGGA 12**

**[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**SOALAN N0.2**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY A/L R. SANTIAGO**  
**KAWASAN : KLANG**  
**TARIKH : 27.08.2008 (RABU)**

**Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY A/L R. SANTIAGO** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan mengapa perdagangan perjanjian bebas (free trade agreements) dengan Jepun dan komitmen Kerajaan Malaysia di WTO tidak diratifikasi di Parlimen.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Jepun (MJEPA) tidak perlu diratifikasikan di Parlimen selaras dengan peruntukan-peruntukan yang terpakai di bawah Perlembagaan Persekutuan. Berdasarkan Perkara 39 dan di baca bersama-sama dengan Perkara 80(1) dan Perkara 74(1) Perlembagaan Persekutuan, kuasa untuk menandatangani dan meratifikasi sesuatu perjanjian antarabangsa adalah merupakan kuasa eksekutif

**Persekutuan. Oleh itu, apa-apa tindakan dengan izin, *consequential* di bawah kuasa eksekutif Kerajaan Persekutuan seperti menandatangani dan memasuki apa-apa triti, perjanjian dan konvensyen dengan mana-mana kerajaan asing serta menyertai badan antarabangsa hanya boleh dijalankan oleh eksekutif Persekutuan iaitu Yang di-Pertuan Agong, Jemaah Menteri atau mana-mana Menteri yang diberi kuasa oleh Jemaah Menteri.**

**2. Adalah jelas bahawa perjanjian perdagangan bebas antara Malaysia dengan Jepun adalah termasuk di bawah bidang kuasa eksekutif Kerajaan Persekutuan seperti yang tersenarai di dalam item 1(a) Senarai Persekutuan kepada Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan iaitu perjanjian di antara Persekutuan dengan negara lain. Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Jepun telah dibentangkan kepada Jemaah Menteri pada 30 November 2005 dan perjanjian tersebut ditandatangani oleh YAB Perdana Menteri semasa Sidang Kemuncak ASEAN pada 13 Disember 2005.**

**3. Berkaitan dengan komitmen Kerajaan Malaysia sebagai ahli Pertubuhan Perdagangan Dunia atau dengan izin, WTO, iaitu sebuah organisasi perdagangan antarabangsa, juga adalah termasuk di bawah bidang kuasa eksekutif Persekutuan seperti yang tersenarai di dalam item 1(d) Senarai Persekutuan, Perlembagaan Persekutuan iaitu penyertaan Persekutuan dalam**

**badan antarabangsa dan pelaksanaan keputusan yang diambil oleh badan itu.**

**4. Untuk suatu perjanjian antarabangsa mempunyai kesan undang-undang di dalam negeri, Kerajaan akan menggubal undang-undang bagi melaksanakan perjanjian tersebut. Dalam hal ini Parlimen berpeluang untuk membincangkan dan meluluskan Akta yang berkaitan semasa ia dibentangkan, umpamanya, bagi melaksanakan langkah-langkah pelindung dengan izin safeguards secara konsisten dengan WTO , Akta Pelindung 2006 telah di bentangkan dan diluluskan Parlimen dan ia berkuatkuasa sejak 22 November 2007. Satu lagi contoh ialah pembentangan Perintah Duti Barang-Barang DiBawah Perjanjian Perkongsian Ekonomi Rapat Antara Malaysia Dengan Republik Islam Pakistan (2007) untuk melaksanakan komitmen tarif berkuatkuasa 1 Januari 2008.**

\*\*\*\*\*

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DATUK RICHARD RIOT ANAK JAEM  
(SERIAN)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 27.08.2008**

**Datuk Richard Riot Anak Jaem (Serian) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan jumlah dan bentuk subsidi yang telah diberikan oleh Kerajaan dari tahun 1990 hingga sekarang.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM63.6 bilion, sepanjang tempoh 1990 hingga 2007 bagi tujuan membiayai pelbagai bentuk subsidi. Bagi tahun 2008, sebanyak RM25.3 bilion telah disediakan untuk tujuan yang sama.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : DATO' IBRAHIM BIN ALI**  
**TARIKH : 27 OGOS (RABU)**  
**NO. PERTANYAAN : 14**

**Dato' Ibrahim bin Ali [ Pasir Mas ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah Kerajaan bercadang mewujudkan kerusi 'Tok Kenali' (seorang Tokoh Ulama Kelantan yang terkenal dalam bidang pengajian dan ilmu Islam) di Universiti Malaysia Kelantan dan kalau ia, bila, dan bersedia ianya ditempatkan di dalam kawasan Parlimen Pasir Mas di mana ianya adalah cawangan kepada Universiti Malaysia Kelantan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skop atau *niche area* program pengajian di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) adalah dikhususkan kepada Keusahawanan dalam bidang Sains Gunaan, Sastera Ikhtisas dan Kemanusiaan. Cadangan Yang Berhormat untuk mewujudkan Kursi Tok Kenali di UMK bagi bidang pengajian Islam tidak sesuai dengan *niche area* universiti berkenaan. Di samping itu,

sudah terdapat 3 kursi yang memberi fokus kepada pengajian Islam  
iaitu:

- i. Kursi Ibnu Khaldun di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM);
- ii. Kursi Al Bukhari di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM); dan
- iii. Kursi Abdullah Fahmi di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : DATUK CHUA SOON BUI [ TAWAU ]**  
**TARIKH : 27 OGOS 2008**  
**RUJUKAN : 1273**

**SOALAN :**

**Datuk Chua Soon Bui [ Tawau ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:-**

- (a) berapakah bilangan laporan polis telah dibuat berkaitan pencurian batang besi, peralatan elektrik atau kabel komunikasi di Sabah dan terutamanya di Tawau pada tahun 2006, 2007 dan kuantiti kehilangan yang berkaitan; dan
- (b) tindakan berkesan yang telah diambil oleh polis dan pihak-pihak berkuasa untuk menyelesaikan masalah pencurian tersebut.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Tawau yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah laporan polis yang dibuat berkaitan dengan kecurian batang besi, peralatan elektrik atau kabel komunikasi di Negeri Sabah pada tahun 2006 adalah sebanyak 449 kes dengan jumlah kerugian RM2.56 juta. Bagi tahun 2007 pula, nilai kerugian adalah sebanyak RM4.19 juta dengan bilangan 523 kes yang dilaporkan.

Kes yang dilaporkan di Tawau pula mencatatkan 16 kes dengan nilai kerugian sebanyak RM164,900 bagi tahun 2006 dan 39 kes dengan kerugian sebanyak RM256,620 bagi tahun 2007.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Dalam Negeri bersama-sama dengan PDRM mengambil beberapa langkah bagi menangani masalah ini dengan mengadakan operasi-operasi bersepadu antara PDRM dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan kerjasama syarikat-syarikat swasta seperti Telekom Malaysia, Tenaga Nasional Berhad, Syarikat

Bekalan Air Selangor, *Indah Water Corporation* serta agensi-agensi lain yang berkaitan; mewujudkan dan menubuhkan satu Jawatankuasa Kerja untuk menangani masalah kecurian kabel dan logam; melakukan rondaan di kawasan-kawasan yang kerap berlakunya kejadian kecurian atau kerosakan kabel serta di kawasan premis perniagaan barang-barang lusuh pada waktu malam bagi memastikan tiada urusan jual beli selepas waktu perniagaan yang ditetapkan.

Tuan Yang Dipertua,

Selain itu, bagi membendung masalah jual beli barang-barang curi melibatkan besi, logam dan dawai 'copper' PDRM juga mengadakan pemeriksaan mengejut dan berkala; membatalkan lesen perniagaan barang-barang lusuh sekiranya melanggar syarat; mengadakan sesi dialog dengan pelesen-pelesen barang-barang terpakai dan memberikan segala maklumat terhadap peraturan menjalankan perniagaan; dan menyemak dan meminda Akta Peniaga Sekendhend 1946 dipinda supaya lebih efektif dan relevan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : Y.B. TUAN LIM GUAN ENG  
(BAGAN)  
TARIKH : 27 OGOS 2008 (RABU)

**SOALAN:**

16

Tuan Lim Guan Eng (Bagan) minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan skandal RM25 juta tajaan bola sepak dunia bella yang dibayar kepada sebuah syarikat dengan modal berbayar RM650 dan kerugian terkumpul RM6.5 juta. Mengapa satu "due diligence test" tidak diadakan dan siapa yang bermanfaat dalam penyelewengan ini.

## **JAWAPAN**

1. Tuan Yang Di Pertua, pertama sekali ingin saya maklumkan bahawa perkataan skandal adalah tidak benar sama sekali. Masalah ini adalah berkaitan isu 'contractual' ke atas perjanjian yang telah ditandatangani oleh kedua-dua pihak. Keduanya, angka yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat (Bagan) juga tidak tepat. Bayaran penganjuran (hosting fee) adalah RM17 juta setahun dan bukannya RM25 juta.
2. Sebenarnya 'due diligence test' yang dimaksudkan ke atas syarikat ini telah dibuat. Di antara perkara-perkara dilihat adalah pengalaman syarikat ini dalam mengendalikan acara-acara sukan seperti ini, surat pengesahan daripada G14 bahawa syarikat mempunyai hak untuk menganjurkan kejohanan 'Champions Youth Cup' bagi pemain-pemain bawah 19 tahun kelab-kelab terkemuka Eropah itu. Senarai beberapa penaja yang sudah pun menunjukkan minat untuk turut serta dalam kejohanan seperti MAS (pengangkutan), Tradewinds (hotel) dan Nike (pakalan sukan) di samping manfaat yang akan diperolehi oleh Malaysia melalui penganjuran acara ini.
3. Selepas mengambil kira faktor-faktor di atas dan melalui beberapa perbincangan dan pembentangan di peringkat-peringkat tertentu pihak Kementerian Belia dan Sukan telah mengangkat cadangan tersebut untuk persetujuan Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan pada 28 September 2006. Jawatankuasa Kabinet tersebut telah bersetuju dengan perakuan KBS dan meminta pihaknya berunding untuk tentukan terma-terma kerjasama tersebut.

4. Suka dimaklumkan bahawa Kementerian ini mendapati tiada isu penyelewengan yang berlaku dalam kes ini dan oleh itu tidak timbul soal siapa mendapat manfaat darinya.
  
5. Urusan ini adalah urusan perjanjian biasa antara dua pihak untuk menganjurkan kejohanan Bola Sepak Bawah 19 tahun - Champions Youth Cup. Walau bagaimanapun masalah timbul oleh kerana pihak Gifted Group tidak dapat memenuhi syarat perjanjian yang ditetapkan iaitu untuk mendapat sanksi FIFA untuk menganjurkan kejohanan tersebut. Oleh itu, perkara ini akan dibawa kepada proses timbang tara untuk diputuskan.

Disediakan oleh:

Encik Yang Zalmey bin Yang Ghazali  
(Penasihat Undang-Undang)

019-2333013

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATUK SIRINGAN BIN GUBAT (RANAU)**  
**TARIKH : 27.08.2008**

**SOALAN:**

**Y.B. DATUK SIRINGAN BIN GUBAT [ RANAU ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan kedudukan sebenar cadangan pembinaan bangunan baru SMK Kundasang yang sudah begitu lama ditunggu-tunggu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sedia maklum dan komited dalam melaksanakan projek-projek infrastruktur pendidikan di Sabah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan pembinaan SMK Kundasang telah tersenarai dalam Rancangan Malaysia ke-9 (RMKe-9) sebagai projek gantian penuh. Walau bagaimanapun, KPM pada masa ini sedang menghadapi kekangan siling peruntukan RMKe-9. Oleh itu pelaksanaan pembinaan bangunan gantian sekolah tersebut adalah bergantung kepada peruntukan tambahan yang akan diperolehi daripada Kementerian Kewangan setelah Kajian Separuh Penggal RMKe-9 diluluskan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **DR. TAN SENG GIAW (KEPONG)**  
**TARIKH** : **27 OGOS 2008**  
**SOALAN** : **DR. TAN SENG GIAW (KEPONG)**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan peruntukan yang sebenar bagi projek-projek sektor pembinaan di bawah RMK-9 dan bagaimana ia akan memulihkan sektor ini. Sila senaraikan projek-projek tersebut dan peruntukan masing-masing.

**JAWAPAN** : **Y.B. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan maklumat di dalam Sistem Pemantauan Projek II (SPP II), sebanyak **RM138.738 bilion** atau **60.3%** daripada siling peruntukan RMKe-9 (selepas Kajian Separuh Penggal) telah diluluskan bagi melaksanakan sebanyak **24,514 projek** fizikal kategori pembinaan dalam tempoh RMKe-9. Ringkasan bilangan projek mengikut kementerian dan peruntukan yang diluluskan adalah seperti di **Lampiran A**.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan kepada projek-projek pembinaan di bawah RMKe-9

telah berjaya meningkatkan kesejahteraan rakyat dan pertumbuhan ekonomi selain daripada mencergaskan sektor pembinaan. Sektor pembinaan mencapai pertumbuhan positif setelah RMKe-9 dilancarkan pada pertengahan tahun 2006, iaitu **pertumbuhan sebanyak 4.6 peratus** pada tahun 2007 terutamanya disumbang oleh pertumbuhan subsektor kejuruteraan awam.

Di dalam subsektor kejuruteraan awam, pelaksanaan projek-projek di bawah RMKe-9 yang lebih giat memberikan kesan positif terhadap sektor pembinaan. Perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan bagi membiayai pembinaan dan penambahbaikan kemudahan infrastruktur seperti jalan raya, sekolah, hospital dan kuarters Kerajaan meningkat 13.3 peratus kepada RM40.6 bilion pada tahun 2007 berbanding RM35.8 bilion pada tahun 2006.

Sektor pembinaan terus kukuh iaitu meningkat lebih tinggi sebanyak 5.3 peratus pada suku pertama tahun 2008 berbanding 4.1 peratus pada suku pertama 2007. Peningkatan tersebut sebahagian besar dirangsang oleh projek-projek di bawah projek kejuruteraan awam seperti pembinaan lebuh raya, pembangunan lapangan

terbang, pembinaan stesyen jana kuasa dan lain-lain aktiviti infrastruktur yang dijalankan oleh pihak kerajaan dan swasta.

RINGKASAN PROJEK FIZIKAL RMK-9

Bil.	Kementerian	Bil Projek	Sijng (RM)
1	Jabatan Perdana Menteri	441	17,689,320,621
2	Kementerian Belia Dan Sukan	694	1,347,893,855
3	Kementerian Dalam Negeri	480	4,112,262,191
4	Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah	1,007	7,575,685,776
5	Kementerian Kerja Raya	495	19,818,634,485
6	Kementerian Kesihatan	1,188	7,130,313,000
7	Kementerian Kewangan	99	1,354,928,010
8	Kementerian Luar Negeri	33	592,830,000
9	Kementerian Pelajaran	16,141	13,877,280,698
10	Kementerian Pelancongan	270	855,455,845
11	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi	589	3,393,168,385
12	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	109	448,922,238
13	Kementerian Penerangan	12	85,677,210
14	Kementerian Pengajian Tinggi	460	12,159,369,231
15	Kementerian Pengangkutan	205	10,525,324,398
16	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	7	508,080,000
17	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna	3	17,000,000
18	Kementerian Pempaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan	42	447,830,469
19	Kementerian Pertahanan	156	2,374,478,369
20	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	413	4,184,059,830
21	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	454	7,250,874,286
22	Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi	74	259,532,200
23	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	91	811,778,471
24	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar	551	7,062,582,739
25	Kementerian Sumber Manusia	96	1,533,374,248
26	Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi	252	10,601,309,634
27	Kementerian Wilayah Persekutuan	172	2,720,840,178
	Jumlah	24,814	138,738,292,354

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEDUA BELAS  
TAHUN 2008**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **YB DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR BIN  
HAJI SALLEH  
(KALABAKAN)**

**TARIKH** : **27 OGOS 2008**

**SOALAN** :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan bilakah masalah elektrik dan Jalan Luar Bandar di Sabah dapat diselesaikan dengan sepenuhnya.

**JAWAPAN** :

Kerajaan akan meneruskan pelaksanaan projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) dan Jalan Luar Bandar (JALB) bagi memastikan semua kampung di negeri Sabah mendapat kemudahan ini.

Dalam tempoh RMK-9, sejumlah RM411.25 juta telah diperuntukkan untuk projek BELB di negeri Sabah. Di dalam Kajian Separuh Penggal RMKe-9 juga, negeri Sabah telah diluluskan peruntukan tambahan berjumlah RM75.0 juta. Dengan peruntukan tersebut, KKLW menjangkakan liputan bekalan elektrik di negeri Sabah akan dapat ditingkatkan kepada 90 peratus menjelang akhir tahun 2010. Kementerian mengunjurkan bekalan elektrik negeri Sabah akan dapat mencapai liputan 100% pada akhir tahun 2015.

Bagi Jalan Luar Bandar di negeri Sabah pula, sejumlah RM558 juta diluluskan bagi pelaksanaan 73 projek Jalan Luar Bandar (JALB) Negeri Sabah yang melibatkan pembinaan dan naik taraf jalan sepanjang 500.70 km.

Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada pihak Jabatan kerja raya Negeri Sabah, masih terdapat sepanjang 10,000 km jalan yang perlu diturap / dibina bagi negeri Sabah. Walau bagaimanapun, oleh kerana pembangunan infrastruktur luar bandar memerlukan perbelanjaan yang besar, pelaksanaannya perlu di buat secara berperingkat-peringkat mengikut keupayaan kewangan kerajaan. Namun demikian, Kerajaan sentiasa menyediakan peruntukan yang besar iaitu melebihi 50% daripada keseluruhan peruntukan tahunan pembangunan bagi memastikan pembangunan infrastruktur luar bandar dapat dilaksanakan secara optimum.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN TONY KIAM WEE (PETALING JAYA UTARA)**

**TARIKH : 27 OGOS 2008**

**SOALAN :**

Tuan Tony Kiam Wee [ Petaling Jaya Utara ] minta **PERDANA MENTERI** sebab kos pembinaan Jambatan Pulau Pinang Kedua adalah RM179 juta setiap kilometer, 20% lebih mahal berbanding dengan jambatan serupa di Shanghai yang bernilai RM149 juta setiap kilometer. Adakah ianya benar bahawa kos jambatan akan meningkat sehingga RM4.8 bilion ataupun RM200 juta setiap kilometer.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Kos pembinaan Jambatan Pulau Pinang Kedua sehingga Jun 2008 adalah setakat ini dianggarkan sebanyak RM4,300 juta (RM179 juta setiap kilometer). Kos pembinaan ini tidak termasuk peruntukan *Variation of Price* yang dibenarkan oleh Kerajaan untuk bahan binaan iaitu *steel bar*, diesel dan simen serta *remeasurement of piling*. Kos ini juga belum mengambil kira kos pengambilan balik tanah, bayaran pampasan kepada penternak kerang

dan nelayan serta kos pembangunan. Dengan mengambil kira kos-kos tambahan tersebut, kos keseluruhan pelaksanaan pembangunan JPPKe-2 sehingga Jun 2008 adalah sebanyak RM4,800 juta (RM200 juta sekilometer).

Y.B. Petaling Jaya Utara membuat perbandingan bahawa terdapat perbezaan sebanyak RM30 juta/km bagi kos pembinaan Jambatan Pulau Pinang Kedua berbanding dengan jambatan di Shanghai, China. Walau bagaimanapun ianya adalah satu perbandingan yang tidak adil atas sebab-sebab berikut:

- (i) jenis kerja-kerja berdasarkan lokasi – tahap kerja-kerja pengerukan di kedua-dua kawasan Batu Kawan dan Batu Maung menghasilkan limpahan lumpur yang tinggi, kerja-kerja infrastruktur iaitu pembinaan persimpangan bertingkat untuk menyambung ke Lebuhraya Utara – Selatan, serta kesukaran reka bentuk yang perlu mengambil kira faktor lokasi jajaran di Batu Kawan yang telah pesat membangun bagi mengurangkan implikasi bayaran pampasan kepada pengilang-pengilang dan sebagainya;
- (ii) keperluan Malaysia untuk mengimpot besi dan simen untuk tujuan pembinaan jambatan ini dan kos berkaitan seperti pengangkutan, penyimpanan dan insuran;

- (iii) masa bahan-bahan binaan diperlukan iaitu di kala kadar inflasi adalah pada paras yang tinggi walaupun faktor *hedging* mungkin boleh dipertimbangkan; dan
- (iv) pertukaran wang asing, di mana ketika pinjaman China Exim Bank yang dihadkan pada USD800 juta pada awal tahun 2007, ia bersamaan RM2,800 juta. Walau bagaimanapun, berdasarkan kadar mata wang RM3.2=USD1 pada Jun 2008, USD800 juta bersamaan RM2,560 juta sahaja.

Berdasarkan perbandingan pembinaan jambatan di Shanghai yang mula dibina pada tahun 2002 dan disiapkan dalam tahun 2005, perbezaan 20% tersebut boleh dijelaskan dengan mengambil kira faktor kenaikan inflasi bagi tahun 2005 hingga 2008, katakana secara purata 5%, menjadikan kos pembinaan jambatan di Shanghai pada tahun 2008 menjadi RM172 juta sekilometer. Ini ditambah dengan risiko kenaikan kos berkaitan kadar pertukaran mata wang asing, kos pengangkutan bahan pembinaan dari China serta kos-kos lain yang berkaitan.

Sementara itu, berdasarkan kajian secara global ke atas sektor pengangkutan dan pembinaan, kos pembinaan jambatan antara tahun 2004-2007 bagi kebanyakan jenis jambatan meningkat antara 20% ke 80% (anggaran kos perkaki persegi). Tren peningkatan harga ini juga terguna pakai bagi kategori pembinaan lebuhraya secara umum. Oleh yang demikian, perbezaan 20% antara kos JPPKe-2 dan jambatan di Shanghai adalah berada dalam julat peningkatan kos pembinaan yang munasabah.

NO : 21

**JAWAPAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT**  
**MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN**  
**(BANDAR KUCHING)**

**TARIKH : 27 OGOS 2008 (RABU)**

**NO . SOALAN : 21**

**Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN** minta **MENTERI**  
**PERPADUAN, KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN**  
menyatakan kenapa kebelakangan ini Kerajaan sering  
menegaskan perpaduan orang Melayu sedangkan perpaduan  
~~semua rakyat Malaysia seharusnya menjadi agenda utama~~  
negara kita.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di Pertua,**

**Penghayatan dan pemahaman yang mendalam tentang fakta-fakta yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan dan Prinsip-Prinsip Rukun Negara penting sebagai asas ke arah mengukuhkan perpaduan, perhubungan kaum dan integrasi nasional. Rukun Negara merupakan falsafah atau ideologi yang menjadi panduan bagi membentuk sebuah masyarakat Malaysia yang maju, dapat memupuk semangat setiakawan dan kecemerlangan dalam hidup bermasyarakat, serta menjadi sebuah negara yang sejahtera.**

**Perpaduan adalah untuk semua kaum dan menjadi agenda utama kerajaan. Oleh itu kenyataan YB bahawa Kerajaan sering menegaskan perpaduan orang Melayu sahaja adalah tidak benar.**

**Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KPKKW) melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) sentiasa memantau isu-isu yang boleh menjejaskan dan merenggangkan hubungan kaum di kalangan rakyat negara ini melalui pelaksanaan Pelan Tindakan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Lima Tahun 2006 – 2010 (PTPNIN). Pelan ini telah diluluskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 17 Mei 2006 dan bertujuan untuk menyatupadukan semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum demi keharmonian masyarakat.**

**Oleh yang demikian, sebagai seorang rakyat Malaysia sama ada dari golongan pemimpin, anggota sektor awam, sektor swasta, mahupun rakyat biasa perlu memainkan peranan masing-masing dalam menjaga perpaduan dan keharmonian kaum di negara kita.**

**SOALAN NO: 22**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK  
(RASA)**

**TARIKH : 27 OGOS 2008**

**SOALAN :**

TUAN LOKE SIEW FOOK MINTA MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN HASIL KAJIAN YANG DILAKSANAKAN OLEH PIHAK KEMENTERIAN MENGENAI TERMA-TERMA PERJANJIAN KONSESI LEBUH RAYA DI SELURUH NEGARA DAN APAKAH TINDAKAN SUSULAN DARIPADA PIHAK KEMENTERIAN UNTUK MENGURANGKAN BEBAN PENGGUNA.

**JAWAPAN :**

**TUAN YANG DIPERTUA,**

**AHLI YANG BERHORMAT DARI RASAH, TELAH MEMBANGKITKAN SOALAN MENGENAI KAJIAN KADAR TOL YANG SEDANG DIJALANKAN OLEH JAWATANKUASA KAJIAN KADAR TOL, MELALUI JURUPERUNDING-JURUPERUNDING YANG TELAH DILANTIK.**

**UNTUK MAKLUMAN AHLI-AHLI YANG BERHORMAT, PADA MASA INI, JURUPERUNDING-JURUPERUNDING YANG DILANTIK SEDANG DI DALAM PERINGKAT AKHIR KAJIAN. HASIL DARIPADA KAJIAN TERSEBUT AKAN DIBINCANGKAN DI DALAM MESYUARAT JEMAAH MENTERI UNTUK MENDAPATKAN KELULUSAN.**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI ONG KA TING**  
**(KULAI)**  
**TARIKH : 27.8.2008**

**SOALAN:**

**Y.B. DATO' SERI ONG KA TING [ KULAI ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan pelajar yang tercicir (drop out) dan peratusnya di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah mengikut jenis aliran sekolah, etnik dan gender dari tahun 2000 sehingga Jun 2008.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa memandang serius dalam menangani masalah keciciran ini, terutamanya dalam kalangan murid.

Analisis keciciran di peringkat sekolah rendah mengikut jantina bagi tahun 2005-2006 tidak menunjukkan perbezaan yang ketara bagi kedua-dua jantina. Keciciran bagi murid lelaki adalah 0.4% manakala bagi murid perempuan mencatatkan 0.3%.

Namun demikian, perbezaan agak ketara berlaku di peringkat menengah. Analisis enrolmen mengikut aliran kohort bagi tahun 2005-2006 menunjukkan sekitar (2.9%) daripada 1.65 juta orang murid sekolah menengah KPM yang berada pada Tingkatan 1 - 4 pada tahun 2005, tidak meneruskan persekolahan ke tahap seterusnya di sekolah menengah KPM pada tahun 2006. Daripada

jumlah tersebut, 3.9% adalah murid lelaki manakala 2.0% adalah murid perempuan.

Sehubungan itu, KPM telah mengambil beberapa langkah bagi meningkatkan kadar penyertaan murid dan seterusnya mengurangkan kadar keciciran. Antaranya termasuk menambah baik kemudahan asas, memperbanyakkan program motivasi, meningkatkan kesedaran ibu bapa, mewujudkan dan memperluas program-program bantuan seperti menyediakan Biasiswa Kecil Persekutuan, Rancangan Makanan Tambahan, Skim Bantuan Tuisyen dan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM). KPM juga melaksanakan program pemulihan khas yang dikendalikan oleh guru pemulihan khas di sekolah rendah serta memperkenalkan Dasar Pendidikan Wajib pada tahun 2003 yang diteruskan dalam RMKe-9. Selain itu juga, KPM telah menyediakan kemudahan asrama di sekolah-sekolah terpilih dalam usaha untuk mengatasi keciciran. KPM berkeyakinan langkah-langkah tersebut akan dapat mengatasi masalah keciciran di kalangan murid.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : Y.B DR MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ  
(SUNGAI SIPUT)**

**TARIKH : 27 OGOS 2008 (RABU)**

**SOALAN :**

**Y.B. Dr. Michael Jeyakumar Devaraj (Sungai Siput) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan polisi Kerajaan terhadap pemberian geran kepada asrama-asrama untuk anak yatim dan orang tua yang dikendalikan oleh badan-badan bukan kerajaan. Mengapakah Asrama Anak Yatim Nurul Ihsan di Talang Tengah Sg. Siput U belum pernah diberi bantuan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar Kerajaan terhadap pemberian geran kepada asrama-asrama untuk anak yatim dan orang tua yang dikendalikan oleh badan-badan bukan kerajaan yang berkenaan perlu memenuhi kriteria kelayakan seperti berikut:

- i. berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan (di bawah Akta Pendaftaran Pertubuhan 1966);
- ii. pertubuhan yang bertaraf tempatan (bukan antarabangsa);
- iii. pertubuhan yang bercorak kebajikan (welfare related);  
dan
- iv. berdaftar di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 (pindaan 2007) dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) yang mengendalikan perkhidmatan institusi berkediaman atau

pusat jagaan harian seperti asrama untuk anak yatim dan orang tua.

Setelah pertubuhan berkenaan memenuhi kriteria kelayakan seperti yang telah dinyatakan, JKM akan mempertimbangkan permohonan geran berdasarkan prosedur seperti berikut:

- i. semua pemohon perlu memohon melalui Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri dan dilengkapi dengan sempurna dengan disertakan Sijil Pendaftaran Pertubuhan, Perlembagaan Pertubuhan dan Penyata Kira-Kira Beraudit bagi tahun terkini; dan
- ii. permohonan yang layak akan dibawa untuk pertimbangan dan kelulusan Jawatankuasa Penilai Bantuan Geran yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Malaysia.

Bagi memastikan pertubuhan bukan kerajaan berkenaan melaksanakan program dan aktiviti termasuk urusan kewangan dan

pentadbiran berjalan dengan baik serta teratur, wakil Jabatan Kebajikan Masyarakat akan membuat lawatan naziran dan membuat siasatan berdasarkan aduan yang diterima. Di antara isu yang dikenalpasti ialah perkhidmatan penjagaan atau *care provider*, pengurusan kewangan dan akaun dan kaedah siasatan yang berkesan.

Untuk makluman Yang Berhormat, geran yang diberikan kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan yang mengendalikan Pusat Jagaan ialah geran penyenggaraan (maintenance grant) sebanyak RM8 sehari seorang bagi kumpulan sasar warga emas yang berumur 60 tahun ke atas dan kanak-kanak yang berumur 18 tahun ke bawah.

Tuan Yang di-Pertua,

Siasatan Kementerian terhadap Asrama Anak Yatim Nurul Ihsan seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Sungai Siput mendapati bahawa ianya masih belum lagi berdaftar sepertimana ditetapkan di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 (pindaan 2007) dan

tidak pernah memohon bantuan daripada JKM. Oleh yang demikian, saya menasihati supaya Asrama berkenaan mendaftar di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 (pindaan 2007) dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat supaya mereka boleh memohon dan diberi bantuan yang sewajarnya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID (KUALA KRAU)**

**TARIKH : 27 OGOS 2008**

**SOALAN : TUAN HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID (KUALA KRAU)**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan prestasi projek-projek Rancangan Malaysia ke Sembilan (RMK-9) sehingga kini khususnya bagi negeri Pahang dan bagaimana prestasi pembangunan projek-projek tersebut sehingga kini yang mengikut jadual dan projek yang tertangguh.

**JAWAPAN : Y.B. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM**

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM200 billion bagi melaksanakan projek-projek pembangunan RMK-9. Dibawah Kajian Separuh Penggal RMK-9, peruntukan ditambah sebanyak RM30 billion menjadikan jumlah keseluruhan

sebanyak **RM230 billion** untuk melaksanakan **28,078 projek**. Sehingga 15 Ogos 2008, jumlah perbelanjaan RMK-9 ialah sebanyak **RM95.270 billion** atau **41.4%**. Dari segi kemajuan pelaksanaan fizikal sehingga 15 Ogos 2008, statusnya adalah seperti berikut:-

<b>Belum Mula</b>	<b>: 7,930</b>
<b>Ikut Jadual</b>	<b>: 12,615</b>
<b>Lewat Jadual</b>	<b>: 1,012</b>
<b>Dahulu Jadual</b>	<b>: 2,788</b>
<b>Sudah Siap</b>	<b>: 3,733</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>: 28,078</b>

Daripada jumlah RM230 bilion, sebanyak **RM9.076 billion** diluluskan untuk melaksanakan projek-projek pembangunan RMK-9 di negeri Pahang dan sehingga 15 Ogos 2008, sebanyak **RM2,505,557,875.80** atau **27.60%** telah dibelanjakan.

Prestasi perbelanjaan peruntukan RMKe9 bagi Negeri Pahang mengikut tahun adalah seperti berikut :-

Tahun	Peruntukan (RM)	Pembelajaan (RM)	% Belanja
2006	1,331,466,919.27	1,013,564,918.87	76.12
2007	2,111,442,619.00	907,459,309.00	42.98
2008	2,199,972,064.40	584,533,647.93	26.57
<b>JUMLAH</b>	<b>5,642,881,602.67</b>	<b>2,505,557,875.80</b>	<b>44.40</b>

Jumlah program/projek RMKe9 ialah sebanyak **1,888** dan status pelaksanaan sehingga 15 Ogos 2008 adalah seperti berikut:-

**Belum Mula : 311**

**Ikut Jadual : 892**

**Lewat Jadual : 149**

**Dahulu Jadual : 218**

**Sudah Siap : 318**

**JUMLAH : 1888**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL RAHMAN [PASIR SALAK]**

**TARIKH : 27 OGOS 2008**

**SOALAN :**

**Y.B. Dato' Haji Tajuddin Bin Abdul Rahman [Pasir Salak]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab kenapa cadangan Kerajaan mengguna pakai kaedah Inisiatif Pembiayaan Swasta (Private Finance Initiatives) untuk projek-projek yang menjadi keutamaan negara tertangguh dan masih belum dilaksanakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat**, Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM20 bilion bagi pelaksanaan projek-projek PFI seterusnya mencadangkan peruntukan pembangunan tambahan kepada RM230 bilion dalam Kajian Separuh Penggal bagi menampung kenaikan kos pelaksanaan projek-projek sedia ada. Dalam keadaan ekonomi masa kini, Kerajaan perlu berhati-hati dalam membuat penelitian dan pemilihan projek-projek PFI yang akan dilaksanakan memandangkan ia melibatkan komitmen kewangan Kerajaan yang tinggi pada masa hadapan. Sekiranya tidak dikawal, tempoh konsesi yang panjang bagi projek-projek PFI serta

bayaran yang akan ditanggung Kerajaan bagi tempoh tersebut akan memberi kesan terhadap pengurusan kewangan/defisit fiskal Kerajaan dalam jangka masa panjang. Perhatian khusus dari segi aspek perancangan di peringkat makro akan ditekankan bagi memastikan pengurusan kewangan Kerajaan terus mempunyai keanjalan yang tinggi dan berupaya menyumbangkan kepada kestabilan ekonomi negara.

Walaupun Kerajaan telah menerima banyak permohonan untuk melaksanakan projek-projek pembangunan mengikut kaedah PFI, didapati bahawa permohonan-permohonan tersebut tidak menepati kriteria *value for money* serta penekanan terhadap inovasi dan kecekapan pengurusan sektor swasta bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan adalah selaras dengan tahap, kualiti dan masa yang dikehendaki oleh Kerajaan. Di samping itu, antara cabaran yang dihadapi Kerajaan dalam penelitian cadangan projek-projek PFI adalah kerana cadangan kos daripada pihak syarikat yang terlampau tinggi serta isu kenaikan kos bahan binaan. Dalam hubungan ini, Kerajaan perlu memastikan supaya sesuatu projek itu menepati pernyataan keperluan dan dasar perbelanjaan berhemah Kerajaan.

No: 27

**SIDANG DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEDUA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**Daripada : Y.B. DATO' DR. JAMES DAWOS MAMIT  
[Mambong]**

**Tarikh : 27 Ogos 2008**

**Soalan : 27**

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan perkembangan bioteknologi terkini dari sudut penemuan baru dalam bidang perubatan di negara kita.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang DiPertua,**

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang bioteknologi khususnya perubatan mengambil masa yang lama dan melibatkan kos yang tinggi sebelum dapat dikomersilkan. R&D dalam bidang ini sememangnya diberi keutamaan seperti yang dinyatakan dalam Dasar Bioteknologi Negara (DBN). Bidang bioteknologi perubatan yang diberi tumpuan oleh Negara antaranya ialah untuk penghasilan

bio diagnostik, vaksin, bio proses dan sistem penyampaian ubat termaju (*advanced drug delivery system*) bagi meningkatkan kesejahteraan pesakit dalam pengambilan ubat-ubatan. Kajian R & D dalam bidang bioteknologi perubatan juga sedang dijalankan oleh penyelidik dari institusi penyelidikan awam dan universiti tempatan dengan industri tempatan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, penyelidikan yang sedang dijalankan oleh para penyelidik negara kita pada masa kini merangkumi :

- i. Penggunaan teknik terkini berasaskan teknologi DNA dan antibodi bagi menghasilkan kits diagnostik yang lebih tepat, berkesan dan murah bagi penyakit tropika seperti tifoid (*typhoid*), cholera, dan TB (*tuberculosis*). Selain daripada itu, terdapat juga penyelidikan untuk menghasilkan vaksin bagi penyakit kuku dan mulut pada kanak-kanak yang berpunca dari virus EV71 (*entrovirus*) dan penyakit meningitis yang disebabkan oleh virus (*Japanese Encephalitis*).
- ii. Pembangunan teknik genetik untuk mendiagnosis kanser kolon, endometrial dan sebagainya;
- iii. Pengenalpastian penanda genomik dan proteomik untuk kanser; dan
- iv. Penghasilan antibodi monoklonal untuk membangunkan kits diagnostik.

**Tuan Yang DiPertua,**

Untuk penghasilan ubat-ubatan, usaha R&D ditumpukan untuk menghasilkan ubatan moden dari sumber biodiversiti tempatan yang mempunyai tiga ciri utama iaitu selamat, berkualiti dan mempunyai efikasi atau keberkesanan. Sebagai contoh, kajian yang dijalankan ialah untuk mengenalpasti bahan aktif daripada pokok patawali untuk darah tinggi dan dauk biak (ketum) bagi menghasilkan ubatan untuk mengurangkan / menghilangkan ketagihan dadah.

Penyelidikan dalam bidang bioteknologi perubatan yang dimulakan dalam RMKe9 sedang berjalan dan belum lagi terdapat produk yang boleh dikomersilkan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG (IPOH TIMUR)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 27.08.2008**

**Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur)** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan rancangan Kerajaan berkenaan dengan PROTON dari segi rakan kongsi asing setelah PROTON gagal dalam rundingan dengan Volkswagen dan General Motors untuk tujuan ini, sama ada Kerajaan bersedia menjadi rakan kongsi minoriti dalam usaha perkongsian asing sedemikian.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan bersedia untuk menjalinkan pakatan strategik di antara PROTON dengan syarikat kereta asing untuk membolehkan PROTON terus bersaing di peringkat tempatan dan juga antarabangsa. Walau bagaimanapun, rakan strategik asing tersebut perlulah sesuai dengan PROTON serta menghasilkan situasi 'menang-menang' (*win-win situation*), tanpa perlu mengorbankan perkara-perkara penting termasuk jenama, penguasaan dan sebagainya.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHUA TIAN CHANG  
[BATU]**

**TARIKH : RABU, 27 OGOS 2008**

**RUJUKAN : 03**

**SOALAN :**

**Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta MENTERI  
WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan :**

- (a) jumlah kos yang telah dan akan dibelanjakan dalam Projek KL Wireless Metropolitan kepada Packet One Networks (M) Sdn. Bhd. ; dan
- (b) sama ada Kerajaan bercadang mengenakan bayaran dalam penggunaan perkhidmatan ini pada masa depan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Batu, seiring dengan hala tuju global ke arah ekonomi yang berlandaskan pengetahuan atau *Knowledge Economy*, Kerajaan Malaysia telah melipat gandakan usaha untuk meluaskan lagi penggunaan jalur lebar menerusi pelbagai inisiatif seperti Pelan Jalur Lebar Negara, MyICMS 886 dan juga Klang Valley Broadband Push.

Projek KL Wireless Metropolitan merupakan salah satu projek di bawah inisiatif "Klang Valley Broadband Push" (KVB90). Objektif utama KVB90 adalah untuk meningkatkan **kadar penggunaan "Broadband" atau jalur lebar di kediaman di Lembah Kelang kepada kadar 90 peratus menjelang tahun 2010.**

Projek KL Wireless Metropolitan ini merangkumi projek **Wireless@KL** yang diterajui oleh Packet One Networks (M) Sdn Bhd. Projek Wireless@KL memberi tumpuan dalam pembangunan dan penyediaan perkhidmatan mudah alih berasaskan teknologi WiMAX dan WiFi yang meliputi keseluruhan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, **setakat 12 Ogos 2008, tiada bayaran** yang telah dibuat oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kepada Packet One Network (M) Sdn. Bhd. bagi projek Kuala Lumpur Wireless Metropolitan. Namun, jumlah kos yang **akan dibelanjakan** oleh DBKL bagi tujuan projek tersebut kepada syarikat terbabit adalah **sebanyak RM 5 juta**.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, warga kota yang mendaftar untuk menggunakan kemudahan ini akan **mendapat perkhidmatan percuma selama 2 tahun bermula dari tarikh pendaftaran dibuat**. DBKL masih **belum bercadang untuk mengenakan sebarang bayaran** kepada pengguna-pengguna perkhidmatan ini **selepas tempoh itu**.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN MANIKAVASAGAM A/L SUNDARAM  
(KAPAR)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 27.08.2008**

**Tuan Manikavasagam a/l Sundaram (Kapar) minta MENTERI  
KEWANGAN menyatakan:-**

- (a) berapakah jumlah wang yang dibelanjakan untuk menubuhkan Syarikat Penerbangan Firefly; dan
- (b) apakah keperluan untuk menubuhkan Syarikat Penerbangan Firefly sedangkan Syarikat AirAsia masih boleh mengendalikan penerbangan domestik dan walaupun ada keperluan mengapakan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) dipilih untuk tujuan tersebut sedangkan ia sendiri mencatat kerugian.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Syarikat Penerbangan Firefly (Firefly) merupakan sebuah anak syarikat milik penuh Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) dengan Modal Berbayar sebanyak RM15 juta (dibayar oleh MAS tanpa bantuan kewangan Kerajaan).

2. Penubuhan Firefly merupakan suatu keputusan perniagaan oleh MAS sebagai sebahagian daripada usaha untuk merasionalisasikan laluan domestiknya serta mengambil peluang daripada kepesatan pembangunan ekonomi dan pelancongan di sekitar rantau Segi Tiga Pembangunan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT). Laluan penerbangan Firefly tidak bertindih dengan mana-mana laluan penerbangan MAS dan AirAsia kerana laluannya lebih bertumpu di sekitar IMT-GT yang mempunyai landasan pendaratan yang terhad yang tidak dapat dilalui oleh kapal terbang bersaiz besar seperti B737 milik MAS ataupun A320 milik AirAsia.

3. Penubuhan Firefly juga didapati tidak menjejaskan prestasi MAS, malah syarikat ini berperanan sebagai penyokong (*complement*) kepada operasi MAS. Dengan adanya Firefly, penumpang yang menaiki penerbangan MAS boleh meneruskan perjalanan ke Indonesia atau Thailand melalui Pulau Pinang dan sebaliknya. Firefly juga telah membantu memulihkan sektor penerbangan domestik MAS yang telah menyumbangkan keuntungan sebanyak RM154 juta (18.99%) daripada jumlah keseluruhan keuntungan MAS sebanyak RM811 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2007.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **YB. DATO' NGEH KOO HAM**  
**[BERUAS]**  
**TARIKH JAWAPAN**  
**DI DEWAN RAKYAT** : **27.08.2008**

**SOALAN**

**YB. DATO' NGEH KOO HAM** minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan sama ada Kerajaan akan meneruskan dengan niatnya untuk memaksa rakyat membayar bil rawatan kumbahan air Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. dengan memotong bekalan air kepada premis mereka sungguhpun rakyat enggan membayar bil tersebut atas berbagai sebab.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua

Di bawah Seksyen 89 (2) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655), bekalan air kepada pengguna boleh dipotong sekiranya caj perkhidmatan pembedaan tidak dijelaskan. Peruntukan ini akan dikuatkuasakan hanya setelah pelaksanaan kaedah pengebilan

secara bersama (*joint billing*) dipersetujui di antara operator air dan Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK).

Walau bagaimanapun, cadangan pengebilan secara bersama ini memerlukan satu penelitian lanjut dan tidak akan dilaksanakan dalam waktu terdekat ini. Oleh yang demikian, IWK masih perlu mengebil caj perkhidmatan secara berasingan sehingga Kerajaan yakin kaedah ini boleh dilaksanakan dan memberi manfaat kepada kedua-dua pihak iaitu operator dan pengguna.

\*\*\*\*\*

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DR. HIEW KING CHEU**  
**(KOTA KINABALU)**  
**TARIKH : 27 OGOS 2008**  
**SOALAN : DR. HIEW KING CHEU**  
**(KOTA KINABALU)**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Pembangunan Sabah (SDO) untuk memastikan syarikat-syarikat tempatan di Sabah mendapat peluang yang adil dan saksama dalam penyertaan projek-projek Persekutuan setelah Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah (JPPS) ditutup baru-baru ini.

**JAWAPAN : Y.B. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan semua kontraktor tempatan di negeri Sabah mendapat peluang yang adil dan saksama dalam penyertaan projek-projek di Pejabat Pembangunan Negeri Sabah, kaedah perolehan dibuat secara Seburharga Terbuka atau Tender Terbuka. Di samping itu juga bagi projek-projek yang akan menggunakan Jadual Kadar Harga (JKH), perolehan akan dibuat secara undian di kalangan kontraktor setempat.

**SOALAN NO.: 33**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIANG TECK MENG [ SIMPANG RENGAM ]**

**TARIKH : 27 OGOS 2008**

**SOALAN :**

**Tuan Liang Teck Meng [ Simpang Renggam ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apa langkah dan penyelesaian yang menyeluruh untuk mengatasi masalah banjir yang telah melanda sejak berpuluh tahun di kawasan Simpang Renggam.

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang menyedari tentang kejadian banjir yang melanda kawasan Simpang Renggam dan sekitarnya.

Sebagai langkah segera untuk mengurangkan kesan masalah banjir di Simpang Renggam, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sedang melaksanakan kerja-kerja membuang kelodak dan mendalamkan Sg. Benut bermula dari muara Sungai Benut sehingga ke Ulu Sungai Benut. Dengan terlaksananya projek ini, aliran air daripada kawasan Simpang Renggam akan dapat mengalir dengan sempurna ke Sungai Benut.

Di samping itu, JPS juga sedang melaksanakan Kajian Pelan Induk Tebatan Banjir Bagi Daerah Kluang bagi mengenalpasti isu dan masalah yang menyebabkan kejadian banjir berlaku. Kajian ini yang dijangka siap pada awal tahun 2009 juga bertujuan untuk mengesyorkan kaedah pencegahan yang bersesuaian untuk mengatasi masalah banjir jangka panjang di Daerah Kluang yang meliputi Simpang Renggam dan kawasan sekitarnya.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**PERTANYAAN** : LISAN  
**DARIPADA** : Y.B. TUAN LIM KIT SIANG  
**KAWASAN** : IPOH TIMUR  
**TARIKH** : 27.08.2008 (RABU)

Y.B. TUAN LIM KIT SIANG minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan langkah-langkah yang dicadangkan untuk menarik pelabur-pelabur asing ke Malaysia memandangkan daya saingan Malaysia semakin merosot berikutan dengan kegagalan Kerajaan melancarkan pembaharuan institusinya yang mengutamakan meritokrasi dalam semua bidang yang seterusnya menjejaskan keyakinan masyarakat niaga tempatan dan antarabangsa terhadap kita.

Tuan Yang Di Pertua,

Sukacita saya ingin memaklumkan bahawa hasil kajian yang dibuat oleh *Institute of Management Development (IMD)* yang berpangkalan di Switzerland ke atas 55 buah negara perdagangan utama dunia menunjukkan kedudukan daya saing negara telah meningkat ke tangga ke-19 pada tahun 2008. Ini merupakan pencapaian terbaik negara berbanding kedudukan di tangga ke-23 pada 2007, ke-22 pada 2006 dan ke-25 pada 2005.

Menurut laporan '*Doing Business 2008*' yang diterbitkan oleh Bank Dunia, daripada 178 negara, kedudukan daya saing negara dari segi '*ease of doing business*' telah meningkat ke kedudukan ke-24 tahun ini berbanding kedudukan ke-25 pada 2007. Negara juga mendahului negara seperti

**Austria yang berada di kedudukan ke-25, Korea (kedudukan ke-30), Perancis (kedudukan ke-31), Taiwan (kedudukan ke-50), China (kedudukan ke-83) dan Viet Nam (kedudukan ke-91).**

**Dari segi pelaburan, Malaysia merupakan destinasi yang terus mendapat perhatian pelaburan asing. Pelaburan langsung asing dalam sektor perkilangan telah mencatat peningkatan ketara untuk tempoh tiga tahun berturut-turut bagi tahun 2005, 2006 dan 2007, iaitu masing-masing sebanyak RM17.9 bilion, RM20.2 bilion dan RM33.4 bilion. Bagi tempoh separuh tahun 2008, jumlah pelaburan langsung asing yang diluluskan adalah berjumlah RM23.3 bilion.**

**Peningkatan kedudukan daya saing ini khususnya adalah hasil daripada usaha penambahbaikan berterusan yang dilakukan oleh Kerajaan ke atas institusi dan sistem penyampaian perkhidmatannya yang bertujuan mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih menarik kepada pelabur-pelabur tempatan dan asing.**

**Antara langkah yang telah diambil oleh Kerajaan dalam meningkatkan kecekapan sistem penyampaiannya dan mengurangkan kos perniagaan ialah melalui penubuhan Pasukan Petugas Khas Mengenai Pemudahcara Perniagaan atau PEMUDAH pada 7 Februari 2007. Sejak penubuhannya, banyak pembaharuan telah dilakukan oleh PEMUDAH ke atas sistem, proses dan prosedur kerja dalam perkhidmatan awam meliputi hal-hal berkaitan lesen perniagaan, percukaian, tanah, kerajaan tempatan, imigresen dan e-pembayaran.**

**Selain itu, PEMUDAH juga sedang mengkaji semula beberapa peraturan dan dasar-dasar sedia ada yang memberi impak kepada ekonomi negara dengan mengambilkira perkembangan yang berlaku di peringkat serantau dan global. Ini termasuklah peraturan dan dasar-dasar berkaitan buruh**

**asing, perolehan Kerajaan, Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC), kastam dan logistik, dan perdagangan pengedaran (*distributive trade*).**

**Tuan Yang Di Pertua,**

**Bagi memastikan supaya negara memelihara kedudukan daya saingnya sebagai destinasi pelaburan yang unggul, langkah-langkah berterusan diambil untuk menggalakkan pelaburan asing termasuk:**

- **memberi tumpuan utama kepada industri berteknologi tinggi, berintensifkan modal, berasaskan sumber serta mempunyai nilai ditambah yang tinggi;**
- **menggalakkan syarikat asing yang beroperasi di Malaysia untuk membesarkan dan mempelbagaikan operasi mereka dengan menawarkan insentif-insentif fiskal dan bukan fiskal seperti 'pre-package' dengan izin, bagi projek besar dan berteknologi tinggi. Pengecualian cukai yang lebih istimewa berbanding insentif-insentif yang biasa seperti geran turut ditawarkan;**
- **menganjurkan pelbagai program penggalakan pelaburan, termasuk misi perdagangan dan pelaburan serta misi projek spesifik ke negara sumber pelaburan asing; dan**
- **melancarkan lima Koridor Pembangunan Ekonomi untuk menarik minat pelabur asing. Koridor-koridor pembangunan tersebut telah memperkenalkan pakej-pakej insentif tambahan, seperti pengecualian cukai korporat, kebenaran mendapatkan sumber modal asing dan kelonggaran syarat pengambilan pekerja mahir asing. Insentif yang diberikan adalah lebih khusus kepada sektor-sektor ekonomi yang strategik.**

**Kerajaan percaya usaha-usaha penambahbalkan yang telah dan sedang dilakukan ke atas institusi dan sistem penyampaian perkhidmatannya akan meningkatkan keyakinan masyarakat perniagaan tempatan dan antarabangsa dan seterusnya menarik kemasukan pelaburan asing ke negara ini.**

\*\*\*\*\*